

Title	SSM Perkenal Inisiatif Sempena Ulang Tahun Penubuhan SSM Ke-23
Content	<p>Kuala Lumpur, 15 April 2025 - Sejak penubuhannya pada 16 April 2002, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salah satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited melaksanakan mandatnya sebagai pendaftar dan pengawal selia korporat negara, berpaksikan visi 'Untuk Menjadi Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung'. Antaranya, dengan memperkasa kerangka perundangan korporat negara, melalui dua pindaan utama undang-undang SSM iaitu Akta Syarikat (Pindaan) 2024 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.</p> <p>Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan SSM ke-23, KPDN turut mengumumkan beberapa inisiatif baharu bagi tahun 2025. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan memperkuatkan ekosistem perniagaan negara, meningkatkan tahap pematuhan korporat serta mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).</p> <p>1. Inisiatif pertama ialah pengenalan perkhidmatan e-Advertisement SSM berdasarkan Seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. Melalui inisiatif ini, PLT yang ingin melaksanakan penggulungan secara sukarela kini boleh menyiaran notis melalui platform e- Advertisement SSM dengan bayaran hanya RM500. Notis tersebut boleh diterbitkan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau kedua-duanya, dan akan dipaparkan selama tujuh hari di laman web rasmi SSM bagi memastikan capaian meluas kepada pihak berkepentingan.</p> <p>Perkhidmatan e-Advertisement SSM yang diperkenalkan ini merupakan alternatif bagi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dalam memenuhi keperluan statutori untuk pengiklanan atau penyiaran maklumat statutori syarikat, yang sebelum ini hanya boleh dilaksanakan melalui iklan surat khabar yang mempunyai edaran di seluruh Malaysia. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kos syarikat bagi memenuhi keperluan pengiklanan dengan alternatif yang lebih murah serta menangani isu keterbatasan edaran akbar fizikal yang tidak meliputi seluruh negara.</p> <p>2. Inisiatif kedua merupakan penawaran pengurangan kompaun sehingga 95% daripada nilai asal dan pengurangan fi e-Advertisement SSM kepada RM100 bagi PLT yang layak, tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan sebelum atau pada 30 September 2025. Inisiatif ini khusus bagi permohonan penggulungan sukarela di bawah Seksyen 50 Akta PLT 2012, melibatkan PLT yang tidak lagi beroperasi dan telah dikenakan kompaun atas ketidakpatuhan seperti kegagalan menyerah simpan Perakuan Tahunan.</p> <p>3. Inisiatif ketiga melibatkan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 serta Akta PLT 2012 yang ditawarkan sehingga 30 September 2025.</p> <p>4. Inisiatif keempat SSM merupakan penawaran pengurangan kompaun sebanyak 95% daripada nilai asal kepada syarikat yang layak untuk memohon pemotongan nama di bawah Seksyen 550 Akta Syarikat 2016. Syarikat yang tidak lagi beroperasi atau tidak berhasrat meneruskan perniagaan dan telah dikenakan kompaun atas kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan atau ketidakpatuhan lain, kini boleh tampil secara sukarela untuk memohon pemotongan nama dari daftar SSM. Tawaran ini juga terbuka sehingga 30 September 2025.</p> <p>Di samping inisiatif-inisiatif bagi tahun 2025, SSM juga akan meneruskan pelaksanaan inisiatif yang telah diumumkan sebelum ini selari dengan usaha pemerkasaan komuniti perniagaan di Malaysia.</p> <p>Sebagai contoh, bagi menggalakkan penyertaan lebih meluas dalam bidang keusahawanan, SSM akan meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang membolehkan pengecualian fi pendaftaran bagi tahun pertama kepada usahawan daripada kumpulan B40, pelajar sepenuh masa institusi pengajian tinggi serta pasangan kepada usahawan B40.</p> <p>Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) turut diteruskan dengan menawarkan pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan bagi memberi peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menceburi bidang perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.</p> <p>SSM menyeru para usahawan dan komuniti korporat untuk mengambil peluang daripada inisiatif-inisiatif ini dalam usaha memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang seterusnya menyumbang kepada persekitaran perniagaan domestik yang lebih berdaya saing dan mampu.</p>
Date	4/15/2025
Category	News
Year	2025
Metadata	Press Release
Date Published	15/04/2025
Created at	4/17/2025 2:35 PM by Noor Azreen Amira Yusri (CCSD)
Last modified at	4/17/2025 2:36 PM by Noor Azreen Amira Yusri (CCSD)

Close

MYGOVERNMENT



Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia

AGENCIES UNDER MINISTRY OF DOMESTIC TRADE AND COST OF LIVING



Other Links

MyCoID Participating Agencies